



# NEWSLETTER

Disediakan oleh:  
**YONG JOO CHIET**  
Ketua Penolong Pengarah, BPP

## PROFESIONAL, PENDIDIKAN & KESIHATAN

### PENGENALAN

Segment ini meliputi Profesional, Pendidikan dan Kesihatan. Sebanyak 34,045 pertubuhan profesional, 11,722 Pendidikan dan 14,930 kesihatan yang beroperasi di Malaysia berdasarkan Banci Ekonomi 2016. Segmen ini menyumbang KDNK sebanyak 4.8% pada tahun 2019.


### SUBSEKTOR PERKHIDMATAN PROFESIONAL

#### Prestasi Perkhidmatan Profesional di Malaysia pada tahun 2017

Perkhidmatan profesional mencatatkan nilai output kasar sebanyak RM45.1 bilion pada tahun 2017 berbanding RM40.4 bilion pada tahun 2015 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.6 peratus setahun.


Bilangan pekerja di sektor ini juga melaporkan peningkatan sebanyak 3.0 peratus kepada 333,139 orang berbanding 314,292 orang pada tahun 2015.

Sementara itu, jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2017 adalah RM11.5 bilion berbanding RM10.1 bilion pada tahun 2015




# Jumlah Pekerja dan Gaji & Upah Sektor Profesional di Malaysia, 2010 - 2017

## JUMLAH PEKERJA SEPENUH MASA



## JUMLAH PEKERJA DAN GAJI & UPAH



Pekerja bergaji sepenuh masa merekodkan sejumlah 302,324 orang dengan sumbangan 90.8 peratus berbanding pekerja bergaji sambilan (6,022 orang; 1.8%) dan pemilik yang bekerja dan pekerja keluarga tanpa gaji (24,793 orang; 7.4%)

	Tahun	RM bilion	Kadar pertumbuhan tahunan	Sumbangan 2017 (%)
Arkitek	2017: 0.8 2015: 0.8	3.9	7.1	
Kejuruteraan	2017: 1.9 2015: 1.8	4.8	16.9	
Juru Ukur	2017: 0.3 2015: 0.3	7.2	2.5	
Perakaunan	2017: 1.5 2015: 1.3	9.8	13.1	
Guaman	2017: 1.5 2015: 1.2	10.3	13.0	
Pengiklanan	2017: 1.2 2015: 1.1	4.6	10.7	
Pakar Runding	2017: 1.7 2015: 1.5	5.2	14.4	
Veterinar	2017: 0.04 2015: 0.04	5.7	0.3	
Penyelidikan	2017: 0.8 2015: 0.8	3.1	7.4	
Profesional Lain	2017: 1.7 2015: 1.3	11.8	14.6	

## Gaji & Upah mengikut Aktiviti

Jumlah gaji & upah yang dibayar dalam perkhidmatan profesional pada tahun 2017 adalah sebanyak RM11.5 bilion. Aktiviti Kejuruteraan merekodkan gaji & upah tertinggi iaitu RM1.9 bilion atau 16.9 peratus daripada keseluruhan gaji & upah yang dibayar. Penyumbang kedua tertinggi adalah aktiviti profesional lain dan aktiviti pakar runding. Secara purata, gaji & upah yang diterima oleh pekerja dalam perkhidmatan profesional adalah sebanyak RM2,884 sebulan.

## Jumlah PKS dalam Sektor Profesional

Berdasarkan Banci Ekonomi 2015, jumlah PKS dalam sektor Profesional adalah berjumlah 99.63%. Golongan ini turut terkesan dengan perintah PKP.

**99.63%**  
pertubuhan perkhidmatan  
Profesional adalah PKS

**Bil. Pertubuhan  
Profesional 2015  
34,045**

**Bil. Pertubuhan  
PKS Profesional 2015  
33,918**


# SUBSEKTOR PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SWASTA

Pendidikan Rendah	Pendidikan Menengah	Pendidikan Kolej & Universiti	Pendidikan lain
Merangkumi Pendidikan pra-sekolah dan Pendidikan rendah	Terdiri Pendidikan menengah am dan Pendidikan Teknik dan vokasional dibawah tahap Pendidikan tinggi	Pendidikan kolej dan universiti swasta termasuk juga institusi kejururawatan swasta	Terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidikan sukan dan rekreasi</li> <li>• Pendidikan kebudayaan</li> <li>• Pusat tuisyen</li> <li>• Sekolah memandu</li> <li>• Pengajaran agama</li> <li>• Pendidikan lain-lain</li> </ul>

## Jumlah PKS dalam Subsektor Pendidikan


Berdasarkan Banci Ekonomi 2015, jumlah PKS dalam subsector Pendidikan telah menyumbang sebanyak 99.08%.

Bilangan Pertubuhan Subsektor Pendidikan (2015):	Bilangan Pertubuhan PKS Subsektor Pendidikan (2015) :
<b>11,722</b>	<b>11,614</b>




Sumber : DOSM

Perkhidmatan Pendidikan merupakan salah satu subsektor dalam sektor Perkhidmatan di Malaysia. Pendidikan kolej dan universiti memberikan nilai output tertinggi berbanding Perkhidmatan Pendidikan yang lain. Perkhidmatan Pendidikan Swasta menyumbang 0.8% kepada KDNK negara.




# Jumlah Pekerja dan Gaji & Upah Mengikut Aktiviti dan Jantina, 2010-2017

## JUMLAH PEKERJA



## JUMLAH PEKERJA SEPENUH MASA



Pendidikan kolej dan universiti merupakan aktiviti utama bagi subsektor Pendidikan. Selain dari menjadi penyumbang output tertinggi, aktiviti ini juga mempunyai bilangan pekerja tertinggi dengan jumlah pekerja seramai 54,529 orang pada tahun 2017. Selain itu, Pendidikan kolej dan universiti merekodkan gaji dan upah tertinggi iaitu RM2.8 bilion dengan sumbangan sebanyak 56.4 peratus pada tahun 2017.

Berdasarkan kepada jumlah pekerja, pekerja sepenuh masa dalam subsektor ini merekodkan bilangan 126,751 orang dan bidang ini dimonopoli oleh perempuan dengan bilangan pekerja sepenuh masa seramai 75,622 pada tahun 2017.


## GAJI & UPAH



## Kesan PKP kepada Subsektor Pendidikan

Laporan Survei Khas Kesan COVID-19 kepada individu dan ekonomi yang telah dilaksanakan secara atalian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh 23 – 31 Mac 2020 mencatatkan kesan dari PKP juga telah menyebabkan sebanyak 47.1 peratus mengalami pengurangan pendapatan bulanan dan 52.9 peratus menerima pendapatan bulanan seperti biasa dalam sektor ini.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) yang meliputi semua aspek dan segenap lapisan. Penggunaan internet percuma sebanyak 1GB setiap hari kepada semua pelanggan membolehkan pelajar meneruskan sesi pembelajaran secara e-learning.



PKP Fasa 1: 18 – 31 Mac 2020  
PKP Fasa 2: 1 – 14 April 2020



# SUBSEKTOR PERKHIDMATAN KESIHATAN

Perkhidmatan kesihatan dan kerja sosial merupakan salah satu subsektor dalam sektor Perkhidmatan di Malaysia. Ia merangkumi aktiviti hospital; aktiviti amalan perubatan dan pergigian; aktiviti kesihatan kemanusiaan lain; aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan. Kesihatan Swasta menyumbang 0.7% kepada KDNK negara. Perkhidmatan aktiviti hospital merupakan penyumbang terbesar dengan nilai output kasar sebanyak RM10.9 bilion diikuti oleh aktiviti amalan perubatan dan pergigian sebanyak RM6.8 bilion. Dua aktiviti ini turut merekodkan bilangan pekerja tertinggi iaitu 52,847 dan 48,915 orang.

Aktiviti Amalan Perubatan & Pergigian

Aktiviti Hospital

Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Lain


Aktiviti Rumah Penjagaan

Aktiviti Kerja Sosial Tanpa Penginapan


## Jumlah Pekerja dan Gaji & Upah Mengikut Aktiviti, 2010-2017

Berdasarkan kepada jumlah pekerja, pekerja sepenuh masa dalam subsektor ini merekodkan bilangan 124,730 orang dan dimonopoli oleh perempuan dengan bilangan pekerja sepenuh masa seramai 89,081 pada tahun 2017.


### JUMLAH PEKERJA SEPENUH MASA




### NILAI OUTPUT KASAR MENGIKUT AKTIVITI



### JUMLAH PEKERJA



### GAJI & UPAH





# Kesan PKP kepada Subsektor Kesihatan

Perkhidmatan kesihatan swasta dijangka berlaku peningkatan disebabkan kesedaran dan keprihatinan rakyat terhadap kesihatan. Rakyat akan segera menjalani pemeriksaan apabila rasa kurang sihat terutama jika ada gejala seperti tanda-tanda Covid-19.

Penglibatan hospital dan makmal swasta dalam pemeriksaan dan ujian pengesahan covid-19 turut menyumbang kepada peningkatan hasil mereka. Selain itu syarikat insuran dan takaful juga turut membenarkan pemegang polisi insuran dan sijil takaful perubatan dari golongan *person under investigation* (PUI) dan kontak pesakit Covid-19 menuntut bayaran sebanyak RM300 dari polisi mereka apabila menjalani pemeriksaan covid-19.


Peningkatan penghasilan sisa klinikal sekitar 17% sejak penularan covid-19 memberi kesan

Peningkatan hasil kepada syarikat kesihatan yang mengendalikan aspek rawatan dan pelupusan sisa tersebut.

Walaupun bagaimanapun hasil hospital dan klinik swasta mungkin terjejas sedikit disebabkan berlaku kekurangan anggota perubatan disebabkan mereka menyertai hospital kerajaan sebagai sukarelawan untuk mengurangkan beban anggota perubatan awam.

Selain itu berlaku juga beberapa hospital dan klinik terpaksa menutup operasi beberapa hari untuk tujuan nyah cemar dan doktor serta kakitangan perlu menjalani kuarantin apabila premis mereka dikunjungi oleh pesakit positif Covid-19 yang tidak memberi maklumat awal.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga menyebabkan sebahagian klinik memendekkan waktu operasi dan mengalami kekurangan bilangan pesakit.



**COVID-19**

PKP Fasa 1: 18 – 31 Mac 2020  
PKP Fasa 2: 1 – 14 April 2020


	Doktor	Doktor Gigi	Jururawat
2018	1 : 530	1 : 3,339	1 : 309
2017	1 : 554	1 : 3,724	1 : 301
2016	1 : 632	1 : 4,402	1 : 308
2015	1 : 671	1 : 4,885	1 : 312

Nisbah doktor, doktor gigi dan jururawat kepada penduduk, 2015 - 2018

	Hospital	Klinik
2018	406	16,181
2017	394	15,876
2016	369	15,462
2015	368	14,210

Bilangan Hospital dan Klinik, 2015 - 2018

Nisbah anggota perubatan kepada penduduk yang disasarkan dalam Pelan Strategik KKM 2016-2020 belum tercapai. Sasaran pelan tersebut adalah 1: 500 bagi doktor, 1:3,200 bagi doktor gigi dan 1: 268 bagi jururawat. Tambahbaik nisbah adalah amat penting terutama apabila Negara menghadapi ancaman seperti pandemik COVID-19 yang sedang dihadapi.



**PENAFIAN:** Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

